Headline	`Jalan raya ada, elektrik tiada`		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Sep 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	18
ArticleSize	227 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,584		

'Jalan raya ada, elektrik tiada'

SEORANG penduduk Orang Asli menunjukkan papan meter elektrik yang terbengkalai di Pos Hendrop, Gua Musang, semalam. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG 9 Sept. – Kira-kira 1,000 penduduk Orang Asli membabitkan 149 keluarga di Pos Hendrop di sini merayu agar kerajaan menyediakan bekalan elektrik 24 jam selepas tidak menikmati kemudahan tersebut sejak lebih 60 tahun lalu.

Masyarakat Orang Asli suku kaum Temiar yang tinggal di 10 buah kampung di pos penempatan itu begitu mengharapkan kemudahan berkenaan kerana perkampungan kaum pribumi tersebut di sekitar Pos Brooke serta Tanah Tinggi Lojing sudah lama disediakan bekalan elektrik.

Rintihan RAKYAT

Sebanyak 10 buah kampung di Pos Hendrop yang masih tidak menerima bekalan elektrik ialah Kampung Layer, Kampung Regret, Kampung Palog, Kampung Sentok, Kampung Hendrop A, Kampung Hendrop B, Kampung Hendrop C, Kampung Plug, Kampung Cedar dan Kampung Tembare.

Seorang penduduk Kampung Palog, **Alang Uda**, 33, berkata, ketiadaan bekalan itu menyebabkan penduduk Pos Hendrop terpaksa menggunakan lilin, generator dan tenaga solar yang dibekalkan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) lebih 20 tahun lalu.

Katanya, sebilangan besar penduduk menggunakan lilin kerana tidak mampu membeli janakuasa dan tenaga solar yang disediakan jabatan itu di setiap rumah penduduk sudah rosak serta terbiar begitu sahaja.

"Kita masih tidak disediakan bekalan elektrik menyebabkan pada waktu malam kami terpaksa bergelap," katanya di sini hari ini.

Powered by: iSENTIA